

2 PROGRAM PRASISWAZAH UNISSA RAIH PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA

■ **Siaran Akhbar dan Infografik : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) meneruskan lagi usahanya dalam mencapai kecemerlangan dalam sistem penilaian University Performance Metrics (UPM), yang diterajui oleh Vietnam National University dengan kerjasama ASEAN University Network (AUN).

Setelah mendapat pengiktirafan sebagai institusi bertaraf empat bintang *plus*, pada September lalu, UNISSA sekali lagi memperoleh pengiktirafan bagi dua buah Program Prasiswazah, iaitu Program Sarjana Muda Sains dalam Kewangan Islam; dan Program Dwi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Perundangan Syariah.

Edisi UPM di peringkat program ini buat pertama kalinya, diadakan pada tahun ini.

Sebanyak 23 buah program, dari pelbagai institusi tinggi di rantau ini, menyertai sistem penilaian tersebut, yang dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Program Gunaan (Applied Program); dan Program Berorientasikan Penyelidikan (Research Oriented Program).

Program Sarjana Muda Sains

dalam Kewangan Islam berjaya diiktiraf sebagai program bertaraf lima bintang dan menduduki kedudukan teratas dalam Kategori Program Gunaan dengan memperoleh 752.5 mata.

Manakala, Program Sarjana Undang-Undang dan Sarjana Muda Perundangan Syariah mendapat pengiktirafan empat bintang, menduduki tempat ke-7, memperoleh 604 mata.

Hasil daripada penilaian terhadap 44 petunjuk dalam tujuh kategori, Program Sarjana Muda Sains dalam Kewangan Islam memperoleh lima bintang dalam tiga kategori, iaitu penjarangan strategik; pengajaran dan pembelajaran; juga pengantarabangsaan.

Manakala, Program Dwi Ijazah Sarjana Undang-Undang dan Sarjana Muda Perundangan Syariah mendapat empat bintang dalam lima kategori. Antaranya, penyelidikan dan inovasi; ekosistem universiti; dan khidmat masyarakat.

Menurut laporan UPM, pengajaran dan pembelajaran merupakan kekuatan utama bagi kedua-dua buah program tersebut dalam pelbagai petunjuk.

Antaranya, kualiti dan reputasi fakulti juga tahap kepuasan pelajar dan majikan.

Penarafan ini menunjukkan, bahawa sebagai sebuah institusi tinggi Islam tulen, UNISSA mempamerkan komitmen berterusan dalam menyediakan program-program yang berkualiti

tinggi dan bertaraf antarabangsa bagi mendukung usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sementara itu, Rektor UNISSA,

Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal berkata, bahawa pengiktirafan ini menyuntik semangat UNISSA untuk terus berkembang maju dalam bidang akademik dan membuktikan, bahawa UNISSA sebagai institusi pengajian tinggi Islam juga boleh bersaing, di peringkat antarabangsa.



Warga asing didakwa atas kes rasuah

■ Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Oktober. - Seorang lelaki, warganegara Filipina, Argel Sanchez David, berumur 29 tahun, didakwa di Mahkamah Majistret, di ibu negara, atas satu pertuduhan, di bawah Bab 6(b) Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131.

Kes ini dilaporkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) ke Biro Mencegah Rasuah (BMR), di mana seorang ejen pemungkah, yang bekerja bersama sebuah syarikat pemungkah, ada menawarkan wang rasuah kepada pemeriksa kastam, bagi melepaskan diri daripada pelanggaran yang berkaitan dengan pengisytiharan

kastam.

Tertuduh adalah seorang ejen pemungkah, di mana pada 4 Oktober 2021, jam 4.30 petang, di Negara Brunei Darussalam, beliau dengan secara tidak jujur cuba memberikan wang rasuah kepada Pegawai Pemeriksa berjumlah BND20, sebagai dorongan atau imbalan untuk melepaskan diri daripada pelanggaran yang berkaitan dengan pengisytiharan kastam.

BMR membuat tangkapan ke atas Argel Sanchez David, pada 9 Oktober 2021.

Memandangkan keadaan negara yang dilanda wabak COVID-19, tertuduh juga dibawa untuk menjalani Uji Swab PCR, pada hari yang sama. Ini adalah selaras dengan SOP BMR,

dengan mengambil kira nasihat daripada Kementerian Kesihatan.

Tertuduh dibawa bagi pengasingan diri, di Pusat Perkampungan Sukan, sementara menunggu keputusan Uji Swab PCR.

Setelah menerima keputusan hasil Uji Swab COVID-19 didapati negatif, tertuduh pagi tadi, dibawa ke BMR untuk siasatan dijalankan.


Pada hari ini, pertuduhan dibacakan terhadap tertuduh dan tidak ada pengakuan diambil.

Pendakwa Raya memohon bagi tertuduh ditahan reman, di Pusat Balai Polis Bandar Seri Begawan kerana tertuduh baru sahaja dilepaskan daripada menjalani pengasingan diri sementara, pada pagi ini.

Mahkamah membenarkan permohonan tersebut dan menetapkan tarikh 16 Oktober 2021, jam 11.30 pagi, bagi sebutan lanjut kes tersebut.

Pendakwaan kes tersebut dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Rozaimah binti Haji Rahman dan diperdengarkan oleh Majistret Kanan Pengiran Hazirah binti Pengiran Yusof.

Dalam pada itu, BMR mengingatkan orang ramai, bahawa menawarkan rasuah kepada pegawai penguatkuasa adalah kesalahan serius, yang membawa hukuman maksimum bagi pertuduhan ini adalah tujuh tahun penjara dan denda BND30,000.



6 tip kawal penggunaan 'gadget' buat para ibu bapa

- **Sediakan jadual.** - Para ibu bapa perlu menyediakan jadual penggunaan *gadget*. Bincang secara terbuka dengan anak-anak untuk menghadkan masa penggunaan *gadget*. Ia mungkin akan menerima tentangan tetapi ibu bapa perlu tegas demi kebaikan.
- **Sentiasa buat pemantauan.** - Anak-anak sangat mudah terdedah kepada pelbagai jenis kandungan tidak sihat di dalam *gadget*, oleh itu, ibu bapa perlu memantau penggunaan *gadget* dengan teliti dan kerap.
- **Beri penerangan.** - Ibu bapa perlu memberi penerangan mengenai keburukan penggunaan *gadget* keterlaluan. Terangkan dengan jelas kepada anak-anak akibat buruk jika keterlaluan bermain dengan *gadget*.
- **Jangan charge 100 peratus.** - Ibu bapa disarankan agar *charge* bateri sedikit sahaja bagi mengelakkan anak-anak bermain *gadget* terlalu lama.
- **Letak kata laluan.** - Dengan meletakkan kata laluan, ini secara tidak langsung mengajar anak-anak supaya meminta izin dan menghormati ibu bapa sebagai pemilik telefon tersebut.
- **Tentukan aplikasi boleh digunakan.** - Kenal pasti aplikasi apa yang boleh menyebabkan anak-anak leka atau menyebabkan *mood* mereka menjadi buruk. Kemudian buang atau kunci (*lock*) aplikasi tersebut agar mereka tidak menggunakannya lagi. Internet *browser* seperti Chrome, Firefox dan lain-lain lagi juga perlu ditetapkan agar dipasang Child Lock.